



KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI (KATS)

**KES KEMATIAN SEEKOR HARIMAU MALAYA
DI LADANG ARAMIJAYA, MERSING, JOHOR**

5 MAC 2020

1. Pada 1 Mac 2020, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Negeri Johor telah menerima aduan daripada orang awam mengenai seekor Harimau Malaya merayau-rayau di dalam kawasan Ladang Site 15, Ladang Aramijaya, Mersing, Johor. Video mengenai harimau tersebut telah ditularkan di media-media sosial serta mendapat liputan di akhbar-akhbar tempatan.
2. Siasatan awal Jabatan PERHILITAN pada hari yang sama (1 Mac 2020), mendapati aduan kehadiran Harimau Malaya di kawasan Ladang Aramijaya, Mersing adalah berdasarkan kepada kesan tapak kaki harimau yang ditemui serta maklumat saksi yang melihat harimau terbabit berbaring atau tidur di atas jalan ladang tersebut.
3. Bagi memastikan keselamatan orang awam, sepasukan kakitangan Jabatan PERHILITAN Daerah Mersing telah ditugaskan untuk mengawal kawasan ladang serta menyiasat kawasan persekitaran

bagi mengambil tindakan susulan iaitu untuk menangkap dan memindahkan harimau ke tempat yang lebih selamat. Kehadiran kakitangan jabatan di kawasan ladang itu juga adalah bagi memastikan tidak berlakunya pembunuhan terhadap harimau tersebut oleh pemburu-pemburu haram.

4. Pengawalan, pemantauan serta penjejakan Harimau Malaya ini diteruskan selama tiga (3) hari bermula 2 Mac sehingga 4 Mac 2020, termasuk pemasangan perangkap harimau di kawasan yang dikenalpasti. Operasi memasang perangkap mendapat bantuan teknikal oleh kakitangan Pusat Menyelamat Hidupan Liar Kebangsaan (NWRC).
5. Namun, pada hari ketiga operasi iaitu pada 4 Mac 2020, jam 12.30 tengahari, Jabatan PERHILITAN telah menerima maklumat daripada pengurus Ladang Aramijaya berhubung penemuan satu bangkai Harimau Malaya di atas sebuah bukit di dalam kawasan ladang tersebut.
6. Hasil siasatan awal Jabatan PERHILITAN mendapati Harimau Malaya tersebut dipercayai telah mati 2-3 hari yang lepas berdasarkan kepada keadaan bangkainya yang telah mula mereput. Siasatan di kawasan persekitaran bangkai tidak menjumpai sebarang kesan-kesan harimau ini telah ditembak, dijerat atau disebabkan oleh apa-apa perbuatan khianat yang lain.

7. Oleh yang demikian, pihak Jabatan PERHILITAN percaya punca kematian Harimau Malaya ini berkemungkinan disebabkan oleh penyakit “*Canine Distemper*” iaitu sama seperti penyakit yang dihadapi “Awang Besul” di Terengganu pada Julai 2019. Ini adalah berdasarkan kepada ciri-ciri harimau yang jinak, tidak takut kepada manusia dan kelihatan air liur meleleh keluar dari mulutnya, berdasarkan maklumat orang awam.
8. Walau bagaimanapun, pihak Jabatan PERHILITAN akan menyiasat dengan lebih lanjut punca kematian Harimau Malaya ini dari pelbagai sudut sama ada terdapat unsur jenayah atau sebaliknya setelah hasil *post mortem* dijalankan oleh Doktor Veterinar Jabatan PERHILITAN.
9. Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) menyeru orang ramai dapat menyalurkan maklumat terus kepada Jabatan PERHILITAN dengan menghubungi talian 1-800-88-5151 jika mempunyai sebarang maklumat berkaitan Harimau Malaya.

KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI

5 MAC 2020